

**UCAPAN YB MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA,
DATO' SRI HAJI FADILLAH HAJI YUSOF
PADA MAJLIS PERASMIAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT ALOR
PONGSU (KM181.4)
DI LEBUHRAYA UTARA-SELATAN
PADA 7 JUN 2016**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera
Salam 1Malaysia

Yang Amat Berhormat Dato' Seri diRaja Dr. Zambry Abd Kadir
Menteri Besar Perak

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Mohd Sheriff Mohd Kassim
Pengerusi PLUS Malaysia Berhad

Yang Berbahagia Dato' Sri Zohari Haji Akob
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Yang Berbahagia Dato' Ir Haji Ismail Md. Salleh
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

1. Dif-dif kehormat, para hadirin, penduduk-penduduk di sekitar kawasan Alor Pongsu, wakil-wakil media dan seterusnya hadirin yang saya hormati sekalian.
2. Syukur Alhamdulillah, pada hari ini, satu lagi persimpangan bertingkat di Negeri Perak iaitu Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu yang selama ini diidam-idamkan oleh penduduk di kawasan ini, bakal dibuka. Saya percaya, Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu, sepertimana persimpangan-persimpangan bertingkat yang lain, akan dapat memberi kemudahan dan manfaat kepada rakyat di negeri ini.
3. Pada hari ini, saya amat berbesar hati dengan kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri diRaja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Besar Negeri Perak untuk sama-sama merasmikan majlis ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Ini adalah satu lagi komitmen oleh Kerajaan bagi menyediakan satu lagi kemudahan terbaru untuk kegunaan rakyat. Kerajaan sedar, lebuh raya memainkan peranan yang amat besar sebagai pemangkin pembangunan negara. Dengan lebuh raya, pertumbuhan kawasan-kawasan sekitar dapat dilaksanakan dengan lebih pantas. Malah, telah terbukti bahawa kawasan yang dilengkapi dengan akses terus ke lebuh raya seperti Alor Pongsu ini dapat mencatatkan kadar pertumbuhan yang drastik dan lebih cepat berbanding kawasan-kawasan lain.

5. Bersesuaian dengan pendekatan ‘Rakyat Di Dahulukan, Pencapaian Diutamakan’ yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, pembinaan persimpangan bertingkat dan pembukaan Plaza Tol Alor Pongsu menyaksikan satu lagi kemudahan terbaru disediakan untuk rakyat sekitar mampu meningkatkan keefisienan dan penggunaan lebuh raya yang lebih efektif.

6. Projek ini telah dapat dilaksanakan dengan lancar hasil daripada kerjasama yang erat antara Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan PLUS selaku pemegang konsesi. Oleh itu dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Perak terutamanya YAB Menteri Besar dan barisan kepimpinan Negeri Perak atas kerjasama yang telah diberikan. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan PLUS Malaysia Berhad serta agensi-agensi lain yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk menyiapkan Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu ini mengikut jadual untuk kesejahteraan, kemudahan dan keselesaan rakyat.

Hadirin dan hadirat sekalian,

7. Selaras dengan motto “Ke Arah Kesejahteraan Rakyat”, Kementerian Kerja Raya amat peka terhadap isu dan keperluan masyarakat yang tinggal di sekitar kawasan lebuh raya. Sebagai contoh, jika sebelum ini penduduk sekitar kawasan Alor Pongsu, Bagan Serai dan Selama perlu menggunakan Persimpangan Bertingkat Bukit Merah atau

Bandar Baru untuk memasuki Lebuhraya Utara-Selatan. Kini, dengan pembukaan Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu, ia menyediakan akses yang lebih mudah bagi laluan keluar dan masuk ke Lebuhraya Utara-Selatan tanpa perlu melalui kedua-dua persimpangan tersebut.

8. Dengan kos pembinaan kira-kira RM100 juta, Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu ini sudah pastinya akan menjana kemajuan di kawasan-kawasan sekitar sebagaimana yang berlaku di kawasan-kawasan lain di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan. Saya yakin, dengan pembukaan Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu ini juga dapat membantu merancakkan lagi pembangunan dan pertumbuhan ekonomi di kawasan berhampiran dan sekitar Alor Pongsu, Bandar Lembah Beriah, Bagan Serai dan Selama. Ia juga merupakan salah satu strategi Kerajaan dan pihak kementerian untuk membangunkan kawasan Alor Pongsu untuk manfaat masyarakat setempat.
9. Selain itu, persimpangan bertingkat ini juga bakal menjadi laluan alternatif di sepanjang Jalan Persekutuan 147 iaitu Jalan Bagan Serai-Selama ke Lebuhraya Utara-Selatan. Secara tidak langsung, ia juga bakal dapat mengurangkan kesesakan trafik di sepanjang laluan tersebut.
10. Berdasarkan kajian, dengan pembukaan Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu ini, masa perjalanan untuk ke Alor Pongsu, Bagan Serai, dan Selama dapat dipendekkan dari 45 minit kepada 10 minit manakala jarak perjalanan pula dapat dipendekkan sehingga 20 ke 35 km untuk perjalanan dari arah Utara dan Selatan. Saya percaya,

dengan pembukaan persimpangan bertingkat ini bukan sahaja dapat memudahkan aksesibiliti untuk orang ramai malahan memberi penjimatan kos seperti bahan bakar atau minyak kenderaan dan juga kos selenggaraan kenderaan pengguna jalan raya.

Untuk makluman hadirin sekalian,

11. Pembangunan pesat kawasan pembangunan dan perindustrian seperti Kulim Hi-Tech Park, Tanjung Malim, Rawang, Kota Damansara, Bangi, Nilai, Senawang, Ayer Keroh, Ayer Hitam, Senai dan lain-lain adalah bukti bagaimana pembinaan lebuh raya dan persimpangan bertingkat dapat membantu memajukan kawasan sekitarnya dengan mengadakan laluan yang lebih pantas, selesa dan lebih mudah.
12. Pembinaan dan pembukaan rangkaian-rangkaian lebuh raya di negara ini merupakan satu keperluan dan elemen penting untuk menggerakkan nadi pembangunan ekonomi dan infrastruktur negara. Apabila akses antara satu tempat dengan tempat yang lain ditambah baik, ia pasti memberi kesan berganda terhadap pelbagai program pembangunan hartanah, perindustrian dan perbandaran. Jadi, secara tidak langsung, ia memberi kesan signifikan dan sumbangan langsung kepada masyarakat setempat.

Hadirin yang dihormati,

13. Keselesaian pengguna lebuh raya adalah agenda utama pihak kementerian. Oleh itu, saya menyeru PLUS untuk sentiasa lebih kreatif dan mencari inisiatif untuk meningkatkan lagi tahap perkhidmatan lebuh raya, khususnya Lebuhraya Utara-Selatan untuk terus memberikan impak yang besar terhadap sistem pengangkutan dan pembangunan di negara ini.

14. Akhir kata, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Perak, Lembaga Lebuhraya Malaysia, PLUS Malaysia Berhad dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek pembinaan Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu ini terutamanya pihak Kerajaan Persekutuan. Saya percaya, kerjasama pintar seumpama ini bukan sahaja memberi manfaat kepada semua pihak terbabit, malah yang lebih utama, kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk sekitar kawasan ini terjamin.

Sekian, terima kasih